



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**PERANCANGAN KERJAYA DI KALANGAN PELAJAR-PELAJAR  
DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

**ABD RAZAK HUSSIN**

**FPP 1998 77**

**PERANCANGAN KERJAYA DI KALANGAN PELAJAR-PELAJAR  
DI UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

**ABD RAZAK HUSSIN**

**MASTER SAINS  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
1998**



**PERANCANGAN KERJAYA DI KALANGAN PELAJAR-PELAJAR  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

**oleh  
ABD RAZAK HUSSIN**

**Projek penyelidikan ini disediakan sebagai memenuhi  
sebahagian syarat Sarjana Sains di Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Putra Malaysia  
November 1998**



## **PENGHARGAAN**

### **Dengan Nama Allah yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani**

Pertamanya saya merakamkan rasa penghargaan dan terhutang budi saya yang tidak terhingga kepada Y. M. Dr. Raja Ahmad Tajuddin Shah Raja Abdul Rashid, selaku penyelia yang dengan tabah dan sabar terus membimbing saya dalam menyiapkan projek penyelidikan ini. Teguran-teguran membina yang diberikan oleh Dr. Shamsuddin Ahmad selaku pemeriksa, juga amat dihargai dan bermakna kepada saya sebagai seorang pencari ilmu pengetahuan. Tidak ada ucapan yang mampu melakarkan keluhuran budi mereka kepada pengkayaan ilmu yang saya perolehi melainkan:

Salam kasih buat guruku  
memberiku pinjaman  
apa yang sukar aku bayarkan  
memberiku kefahaman  
apa yang dulu aku keliru.

Penghargaan dan rasa terhutang budi yang serupa juga saya rakamkan kepada pensyarah-pensyarah dan kakitangan Jabatan Pendidikan Pengembangan dan Jabatan Komunikasi di atas ilmu yang dicurahkan dan pertolongan yang diberikan sepanjang pengajian saya.

Tentu sekali perjuangan pembelajaran ini tidak mampu mencapai

kejayaan tanpa pengorbanan dan pengertian daripada isteri yang tercinta, Hajjah Rabaiah bt. Hj. Arham dan anak saya yang manja, Nursyuhada, selain doa kedua ibu bapa, ibu dan bapa mertua serta keluarga. Untuk isteri dan anak saya:

Kita pernah menangis dan ketawa di sini  
kini kita bersama berlari  
menggapai pelangi dan mentari.

Saya juga merakamkan ucapan penghargaan yang setingginya kepada Jawatankuasa Cuti Belajar UKM di atas peluang melanjutkan pelajaran yang diberikan. dan individu seperti Tuan Hj. Salleh, Dr. Almah, Dr. Mazlin, Hj. Jaafar, Shukri, Ismi, Raja Roslan, Aziz dan teman-teman lain yang tidak mampu dinyatakan satu persatunya yang sentiasa memberi dorongan. Tidak dilupakan para informan kajian yang penuh kesabaran serta semua pegawai dan kakitangan Perpustakaan Tun Sri Lanang, Perpustakaan UPM dan UM. Untuk semua, hanya Tuhan yang dapat membalas seluruh kebaikan.

Salam hormat,

**ABD RAZAK HUSSIN**

Bangi, Selangor Darul Ehsan

4 November 1998.

# KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	iv
KANDUNGAN	vi
SENARAI RAJAH	x
SENARAI KEPENDEKAN	xi
ABSTRAK	xii
ABSTRACT	xv
<b>BAB 1      PENDAHULUAN</b>	
Konteks Kajian	1
Latar Belakang UKM	4
Penyataan Masalah	7
Objektif Kajian	11
Kepentingan Kajian	12
Limitasi Kajian	16
Konsep-konsep Berkaitan	16
Kerjaya	17
Keserasian Kerjaya	17
Keupayaan Kendiri	17
Konsep Kendiri ("Self Concept")	18
Pelajar	18
Psikologi Pekerjaan	19
<b>BAB II      SOROTAN LITERATUR DAN KAJIAN LALU</b>	
Rangka Teori	20
Kerja dan Pekerjaan	20
Kegawatan Ekonomi Semasa	23
Dilema Peluang Pekerjaan	25
Perancangan	27
Perancangan Kerjaya	28
Proses Perancangan Kerjaya	30
Kerjaya	34



Pemilihan Kerjaya	36
Pendidikan Kerjaya	40
Bimbingan Kerjaya Di UKM	42
Pendidikan Liberal	46
Program Pendidikan Umum	48
Peranan Hal Ehwal Pelajar dan Ko Kurikulum	50
Bidang-Bidang Kerjaya	53
Membuat Keputusan Kerjaya	55
Kajian-Kajian Lalu	58
Kerangka Konseptual	64

### **BAB III      METODOLOGI PENYELIDIKAN**

Pengertian Metodologi	68
Penggunaan Pendekatan Penyelidikan Kualitatif	69
Lokasi Kajian	71
Pemilihan Informan	73
Instrumen Kajian	76
Validiti Dan Reliabiliti	78
Validiti	79
Reliabiliti	80
Etika Penyelidikan	83
Pengumpulan Data	84
Teknik-teknik Pengumpulan Data	87
Temu bual Secara Informal	87
Temu bual Secara Formal	88
Maklumat Penting Dalam Kaedah Temu bual	88
Pengurusan Data	89
Penganalisan Data	89
Merekod dan Mengurus Data	90
Membuat Daftar Kategori	91
Mengkod Data	95
Penggunaan Perisian TDC II	95
Mencetak "Output"	96

### **BAB IV      PENEMUAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Kepentingan Kerjaya Dalam Kehidupan	97
Sara Hidup	98
Faktor Motivasi	100
Sumbangan Kepada Negara	105
Perancangan dan Proses Pencapaian Kerjaya	109
Faktor Dorongan	109
Meninjau Prospek Kerjaya	113



Usaha Pementapan Ilmu	119
Penglibatan Dalam Persatuan	123
Persiapan Kegawatan Ekonomi	126
Kegawatan Ekonomi dan Peluang Kerjaya	128
Sumber Maklumat Pelajar	128
Tanggapan Pelajar	130
Pelan Alternatif	133
Proses Membuat Keputusan	136
Pengaruh Manusia	137
Faktor Kendiri	139
Perkembangan Prospek Kerjaya	140
Budaya Kerja	142
Kegunaan kerjaya	145
Realiti Semasa	148
Peranan Universiti Membina Ketrampilan Pelajar	150
Program Akademik	150
Tindakan Agensi-Agensi Universiti	158
Peranan Pensyarah	163
Program Akademik Tiga Tahun	167
Ringkasan	172

## **BAB V RINGKASAN PERBINCANGAN KESIMPULAN DAN CADANGAN**

Ringkasan,	175
Latar Belakang Kajian	175
Penyataan Masalah	176
Objektif kajian	177
Kepentingan Kajian	178
Rangka Teori	179
Metodologi kajian	180
Penemuan Kajian	182
Rumusan Dan Perbincangan	190
Kepentingan Kerjaya	190
Perancangan dan Proses Pencapaian Kerjaya	196
Kegawatan Ekonomi dan Peluang Kerjaya	199
Proses Membuat Keputusan Kerjaya	201
Peranan Universiti Membina Ketrampilan Pelajar	202
Kesimpulan	207
Cadangan	209

<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>215</b>
--------------------	------------





## SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
A Model Pendidikan Tinggi Pada Abad Ke 21	223
B Tahap-tahap Pembangunan Vokasional - Havighurst	224
C Planning Under Pressure: A View of the Realities	225
D Latar Belakang Informan yang Telah Diubahsuai	226
E Panduan Temu Bual	227
F Perincian Tahap-tahap "Audit Trail"	228
G Kategori dan Sub-Kategori Daripada Bacaan Pertama	229
H Definisi Kategori dan Sub-Kategori	230
I Tinjauan Umum (Masalah Pelajar / Jumlah Pertemuan)	231



## SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
I Model Penciptaan, Pemindahan dan Penggunaan Ilmu Pengetahuan	2
II Perancangan Kerjaya: Gambaran Realiti	66
III Kerangka Konseptual Perancangan dan Pencapaian Kerjaya	213

## SENARAI KEPENDEKAN

<b>ASEAN</b>	=	Association of Southeast Asian Nations
<b>FELDA</b>	=	Federal Land Development Authority
<b>HEP</b>	=	Hal Ehwal Pelajar
<b>IPT</b>	=	Institusi Pengajian Tinggi
<b>MARDI Institute</b>	=	Malaysian Agricultural Research and Development Institute
<b>MSC</b>	=	Multimedia Super Corridor
<b>PETRONAS</b>	=	Petroleum Nasional
<b>PMUKM</b>	=	Persatuan Mahasiswa UKM
<b>PORIM</b>	=	Palm Oil Research Institute of Malaysia
<b>PPU</b>	=	Pusat Pengajian Umum
<b>R &amp; D</b>	=	Research & Development
<b>TDC II</b>	=	Textual Data Categorization II
<b>TELEKOM</b>	=	Tele Komunikasi
<b>TNB</b>	=	Tenaga Nasional Berhad
<b>UKM</b>	=	Universiti Kebangsaan Malaysia
<b>UM</b>	=	Universiti Malaya
<b>UPM</b>	=	Universiti Putra Malaysia



Abstrak projek kajian yang dikemukakan kepada Jabatan Pendidikan Pengembangan, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains.

**PERANCANGAN KERJAYA DI KALANGAN PELAJAR-PELAJAR  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

Oleh

**ABD RAZAK HUSSIN**

**November 1998**

**Penyelia: Y. M. Dr. Raja Ahmad Tajuddin Shah Bin Raja Abdul Rashid**

**Fakulti: Pengajian Pendidikan**

Kajian telah melihat usaha perancangan pemimpin-pemimpin pelajar-pelajar UKM mempersiapkan diri untuk memasuki alam kerjaya selepas mereka menamatkan pengajian di peringkat ijazah pertama. Kajian ini turut mengambil kira senario kegawatan ekonomi yang sedang dialami oleh negara pada masa ini. Secara khususnya pula kajian telah meninjau idealisme mereka terhadap kepentingan kerjaya dalam kehidupan, perancangan dan proses pencapaian cita-cita kerjaya dan meneliti tanggapan mereka mengenai kegawatan ekonomi dan peluang-peluang kerjaya untuk mereka. Di samping itu, kajian juga telah meneliti proses membuat keputusan kerjaya yang diamalkan dan mendapatkan maklum balas pelajar terhadap peranan universiti dalam membina ketrampilan pelajar.



Informan bagi kajian ini seramai lapan belas orang iaitu enam orang pelajar Melayu, tiga orang pelajar Cina, dan sembilan orang pegawai/pensyarah UKM. Kesemua orang pelajar itu merupakan pemimpin-pemimpin pelajar yang berada di tahun akhir pengajian mereka. Pendekatan penyelidikan yang digunakan adalah pendekatan kualitatif dan temu bual separa berstruktur bagi tujuan mengumpulkan data. Selain itu, panduan temu bual dan pita rakaman mikro juga digunakan. Data yang telah dikumpul ditranskrip dan seterusnya diproses mengikut kategori dengan menggunakan perisian TDC II. Kerja-kerja penganalisan data dilakukan secara serentak ketika kerja-kerja pengumpulannya berlangsung.

Secara umumnya, penemuan kajian ini adalah berkisar kepada tanggapan pelajar terhadap kerjaya dan kepentingannya. perancangan untuk mencapai cita-cita kerjaya, persepsi pelajar terhadap kegawatan ekonomi negara dan kesannya ke atas peluang-peluang kerjaya, proses membuat keputusan kerjaya dan maklum balas mengenai peranan universiti dalam penyediaan ketrampilan pelajar untuk menghadapi cabaran-cabaran masa depan. Kajian tersebut mendapati sememangnya wujud perancangan kerjaya di kalangan pelajar. Namun perancangan mereka tidak secara berstruktur, sistematis, dan dilakar secara jelas. Ini menyebabkan pendirian mengenai cita-cita kerjaya sering berubah. Kajian juga mendapati pemimpin-pemimpin pelajar, rata-rata mempunyai kesedaran sosial yang tinggi di samping optimis dalam melihat masa depan walaupun mereka sedang berhadapan dengan

senario ekonomi yang merungsiangkan. Kajian ini juga mencadangkan agar kursus mengenai kerjaya dijadikan kursus yang harus diikuti oleh pelajar-pelajar di UKM, kesedaran kerjaya disemai sejak mereka mula menjadi pelajar universiti, hubungan universiti dan pemimpin pelajar dipertingkatkan, menyediakan kemudahan prasarana yang mencukupi, menyemak kesesuaian kurikulum dengan tuntutan semasa, dan semua pihak komited terhadap tanggung jawab pembangunan pelajar.



Abstract of research project submitted to the Department of Extension Education, Faculty of Educational Studies, Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirements for the degree of Master of Science.

**CAREER PLANNING AMONG THE STUDENTS OF UNIVERSITI  
KEBANGSAAN MALAYSIA**

By

**ABD RAZAK HUSSIN**

**November 1998**

**Supervisor: Y. M. Dr. Raja Ahmad Tajuddin Shah Bin Raja Abdul Rashid**

**Faculty: Educational Studies**

The aim of this study was to evaluate how UKM student leaders plan to prepare themselves to enter the job environment after they graduate with their first degree. The study took into consideration the current economic recession in the country. Specifically, the study tried to understand their idealism towards the importance of career in their lives, their plans and process towards achieving career goals and to analyze their perception regarding the economic recession and their chances in getting a job. It also looked at the career decision making process and to get feed backs from the students regarding the university's role in the development of the student's competencies.

Nineteen interviews were conducted and the informants are six Malay students, three Chinese students and nine UKM lecturers/officers. All the



students interviewed were student leaders in their final year. Qualitative research approach was used and semi-structured interview was the method utilized in gathering data. Interview guide and micro tape recorder were also used. The data collected was transcribed and processed using the TDC II software. Data were collected and analyze simultaneously.

Generally, the findings of the study were based on the students' perceptions towards their careers and their importance; plans on how to achieve career goals, students' perceptions on the country's economic recession and its affect on job opportunities. The study found that the students did have some form of career plan. But their plans were not structured, systematic or clearly defined. This resulted in frequent changes in their career goals. The study also found that overall the students possessed high social awareness and at the same time were optimistic about their future even though they were facing bleak economic scenario. The study recommended that a course on career becomes be made compulsory in UKM. Career awareness efforts should be introduced as soon as they enroll in the university. Accordingly, continuous evaluation of the curriculum, efforts to create a conducive environment towards improved student-university relationships and commitment should be made.




## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **Konteks Kajian**

Universiti telah memainkan peranan penting, walaupun tidak satu-satunya yang membentuk budaya dan peradaban kehidupan masyarakat pada hari ini. Ketika membicarakan tentang matlamat dan tujuan pendidikan tinggi pada abad ke 21, Molen (1996) mengatakan ramai orang yang mempersoalkan tentang keupayaan universiti untuk berperanan sedemikian pada alaf yang akan datang. Bagi beliau, perbincangan tidak harus terlalu menjurus kepada institusi universiti sekadar luarannya sahaja, tetapi yang lebih utama adalah “the idea of the university” itu yang harus disemarakkan.

Pendidikan tinggi khususnya universiti sejak berabad lalu sentiasa prihatin terhadap pengajaran disiplin-disiplin ilmu sains dan sastera; latihan untuk kerjaya (termasuk kerjaya akademik); dan penyelidikan serta keserjanaan. Beliau turut mengemukakan model asas universiti yang menggambarkan corak aktiviti yang dianggapnya komprehensif merangkumi penciptaan, pemindahan dan penggunaan ilmu pengetahuan seperti pada rajah berikut:



Rajah 1 : Model Penciptaan, Pemindahan dan Penggunaan Ilmu Pengetahuan

Begitu juga sejarah pembangunan universiti menunjukkan, universiti tidak ditubuhkan sekadar memenuhi tujuan memperdebatkan, menghasil dan memperkembangkan natijah ilmu yang baru semata-mata. Malahan ia menjadi institusi untuk memenuhi aspirasi masyarakat termasuk dalam penyediaan guna tenaga terlatih dalam pelbagai bidang kehidupan. Menurut Pierce (dalam Steltenpohl, Shipton, and Villines, 1996), salah satu keperluan masyarakat terhadap institusi pengajian tinggi ialah untuk melahirkan tenaga kerja yang terlatih, berpengetahuan, kreatif dan bertanggung jawab. Oleh yang demikian, kebanyakan pelajar yang memasuki universiti adalah bertujuan untuk membuat persiapan kerjayanya. Masyarakat Amerika rata-rata melihat bahawa institusi pengajian tinggi merupakan alat bagi kehidupan yang lebih makmur menerusi

kerjaya yang diperolehi. Bloom (1987) juga mengatakan, bagi pelajar-pelajar di Amerika Syarikat, pada hari pertama lagi mereka sudah memikirkan apakah kerjaya yang diinginkan dan akan mereka perolehi kelak.

Di Malaysia, pandangan serupa turut membentuk tanggapan umum masyarakat bahawa tanggungjawab universiti adalah untuk menyediakan graduannya memperolehi kerjaya yang sesuai bagi mengisi keperluan semasa dalam pembangunan negara (Rustam Sani, 1988; Zaini Ujang, 1993). Namun begitu, persoalan yang timbul ialah apakah pelajar-pelajar yang berada di universiti mempunyai perancangan mereka sendiri mengenai kerjaya masa depan mereka. Ataupun pada mereka tergambar salah satu mitos yang diungkapkan oleh Bernard Haldane, pengasas kaunseling kerjaya Amerika Syarikat bahawa kerjaya hanya merupakan satu kebetulan? (Germann and Arnold, 1980). Berlawanan dengan mitos tersebut, beliau turut menegaskan fakta bahawa kerjaya merupakan sesuatu yang dirancang. Ini kerana kerjaya adalah amat penting dalam kehidupan manusia, serta menentukan cara hidup seseorang. Justru itu, manusia wajar merancang kerjayanya.

Apabila membicarakan perancangan kerjaya hari ini, suatu fakta yang tidak dapat dikesampingkan adalah soal kegawatan ekonomi yang amat dirasakan oleh semua sektor di Malaysia, rantau Asia Tenggara dan Asia Timur. Organisasi-organisasi perniagaan bersaiz besar dan kecil menghadapi kemerosotan dalam pendapatan lalu mengurangkan operasinya. Malah tidak

sedikit yang menghentikan terus aktiviti nya. Sektor awam pula membekukan sebahagian besar jawatan baru dan pengisian kekosongan. Dalam masa yang sama, graduan dari institusi pengajian tinggi awam dan swasta mula membanjiri pasaran pekerjaan dengan jumlah yang lebih besar berbanding tahun-tahun sebelumnya. Senario ini memperlihatkan persaingan untuk menempatkan diri dalam ruang pekerjaan yang semakin kecil itu telah menjadi begitu sengit.

Dalam kajian ini, penyelidik membuat tinjauan sama ada pelajar-pelajar universiti sudah mempunyai perancangan kerjayanya, faktor-faktor yang mungkin mempengaruhi pemilihan kerjaya, proses membuat keputusan serta halangan-halangan semasa dan masa depan dengan mengambil kira senario kegawatan ekonomi kini. Kajian ini juga telah cuba meneroka pemikiran pelajar tentang peranan universiti dalam menyediakan keupayaan pelajar nya untuk berhadapan dengan cabaran-cabaran akan datang. Oleh itu, sekurang-kurangnya kajian ini mampu memberi gambaran tentang pola pemikiran pelajar di universiti dan bagaimana mereka berinteraksi dengan perubahan yang sedang berlaku yang akan mencorakkan masa depan mereka.

### **Latar Belakang UKM**

Lokasi Kajian penyelidikan ini ialah UKM, antara universiti yang awal ditubuhkan di negara ini. UKM telah ditubuhkan pada tahun 1970 atas impian,

aspirasi dan desakan rakyat, khususnya masyarakat Melayu yang ingin melihat wujudnya sebuah universiti berpengantarkan bahasa Melayu dan berpendidikan Islam. Dengan kelahirannya, universiti ini telah menjadi mercu tanda kepada sistem pendidikan kebangsaan dengan bahasa Melayu sebagai medium komunikasinya. Di samping itu setengah daripada tuntutan pendidikan Islam terlaksana menerusi penubuhan Fakulti Pengajian Islam. Tekad UKM adalah untuk memperluas dan memantapkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang menjadi bahasa landasan ilmu dan teknologi, wahana (alat) pengucapan dan pembinaan tamadun berbahasa Melayu seluruhnya (UKM, 1995).

Bermula dengan tiga buah fakulti pada tahun 1970 iaitu Fakulti Sastera, Sains dan Pengajian Islam, setelah 28 tahun UKM memiliki 17 fakulti, tiga institut dan tiga pusat. Fakulti, institut dan pusat tersebut ialah Fakulti Ekonomi, Kejuruteraan, Pendidikan, Pengajian Islam, Pengurusan Perniagaan, Perubatan, Sains Kesihatan Bersekutu, Pergigian, Sains Fizis dan Gunaan, Sains Hayat, Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, Sains Matematik, Sains Pembangunan, Sains Sumber Alam, Teknologi dan Sains Maklumat, Pengajian Bahasa, Undang-Undang, Institut Alam dan Tamadun Melayu, Institut Alam Sekitar dan Pembangunan, Institut Kajian Malaysia dan Antarabangsa, Pusat Pengajian Siswazah, Pusat Pengajian Umum dan Pusat Matrikulasi.

UKM juga mempunyai misi yang secara jelas mencatatkan iaitu bertekad menjadi sebuah universiti terkehadapan yang mendahului langkah masyarakat

dan zamannya bagi merintis pelbagai bidang pengajian, pembentukan masyarakat berilmu, berakhlak, berteknologi, dan berkeperibadian nasional (Sham Sani, 1994). Tegasnya, universiti bertekad untuk sentiasa berada di barisan terkehadapan dalam urusan keilmuan. Setiap usaha yang dilakukan oleh setiap individu, kelompok, jabatan, dan fakulti dalam bidang keilmuan dan pentadbiran perlu dilakukan sejajar dengan misi tersebut. Justeru salah satu hasil yang dapat dilihat, peningkatan bilangan pelajar peringkat ijazah pertama secara keseluruhannya berlaku dengan pesat. Misalnya, bilangan pelajar ijazah pertama telah meningkat daripada 10,000 orang pada tahun 1993 kepada 16,650 pada tahun 1997. Jumlah tersebut tidak termasuk bilangan pelajar untuk program pasca siswazah seramai kira-kira 2.500 orang, Program Jarak Jauh seramai 4,500 orang dan Program Matrikulasi pula seramai 2,373 orang bagi sesi 1997/98.

Namun begitu, kebimbangan universiti turut muncul di sebalik pembangunan dan perkembangan pesat tersebut, khususnya apabila ditinjau dari sudut mutu program yang ditawarkan. Seperti dinyatakan oleh Sham Sani (1997), kadang-kadang dalam keghairahan menambah dan mengejar permintaan pasaran, unsur kualiti mudah sekali (tanpa disedari) terpinggir.

Beliau mengingatkan para dekan fakulti dan pengarah pusat berkenaan agar sentiasa mengawasi mutu pendidikan supaya tetap relevan dan lestari ("sustain"). Oleh yang demikian, beberapa mekanisme telah digerakkan dan

diberi nafas baru iaitu sistem penilai luar, pemeriksa luar, profesor pelawat, pertukaran tenaga pengajar, pertukaran pelajar dengan universiti luar negara, kemudahan sabbatical, kemudahan menghadiri persidangan akademik dan profesional, proses ukur rujuk ("bench-mark") dan pengauditan kualiti. Semua ini bagi beliau, melambangkan perkembangan pesat UKM dan sekaligus mengukuhkan kedudukannya di kalangan universiti-universiti yang ada. Seterusnya beliau mengingatkan bahawa banyak universiti telah ditubuhkan di negara ini, dan sudah terlalu banyak pula program pengajian yang canggih bunyinya yang ditawarkan oleh universiti-universiti tersebut. Yang akan membezakan di antara siswazah itu adalah kualiti mereka, iaitu kualiti yang dibekalkan oleh institusi masing-masing. Hanya masyarakat dan masa sahaja akan menentukan tahap kedudukan para siswazah yang dihasilkan dalam persaingan di pasaran.

### **Penyataan Masalah**

Di universiti, detik paling mendebarkan akan lebih dirasai oleh sebahagian besar pelajar yang sedang berada di tahun akhir pengajian. Runtunan mendapatkan pekerjaan, tekanan sosial, jangkauan ibu bapa, ahli keluarga, dan masyarakat di samping kepentingan dan cita-cita sendiri merupakan persoalan-persoalan yang menghantui pemikiran mereka (Ariffin Zainal, 1977). Pandangan ini pernah dinyatakan oleh Dunphy (1976) bahawa pelajar-pelajar yang sedang berada dalam tahun akhir atau kepujian akan

memasuki satu era baru yang penting dalam kehidupan mereka iaitu membuat keputusan. Keputusan yang bakal dilakukan adalah dalam rangka perancangan untuk mendapatkan kerjaya yang bagi mereka baik dan sesuai kerana keputusan tersebut akan memberi kesan besar kepada masa depan kehidupan mereka.

Begitu juga menurut Sharp dan Marra (1971) yang melihat masalah kerjaya sebagai masalah terbesar di kalangan pelajar di semua peringkat. Masalah ini disebabkan ketidakupayaan pelajar membuat keputusan kerjaya ekoran ketidakjelasan minat, ketiadaan realisme justru tidak mampu mengenal pasti minat, kebolehan dan personalitinya sendiri serta kekurangan pengetahuan mengenai alam kerjaya. Pandangan ini selaras dengan pendapat Lidgren dan Fisks (dalam Zarina Md. Asip, 1989) yang percaya bahawa pelajar-pelajar yang mampu memahami dan berinteraksi dengan realiti sahaja yang berupaya meredakan kebimbangan terhadap kerjaya dan cabaran-cabaran masa depan yang pelbagai sifatnya.

Bahkan Frank Parsons (dalam Osipow, 1994), seorang ahli psikologi pada tahun 1909 lagi telah menunjukkan keprihatinannya terhadap kesukaran yang dialami oleh ramai golongan muda dalam memasuki alam pekerjaan. Lantas beliau telah membangunkan sebuah program yang dipanggil Breadwinners College. Program yang ditawarkan menerusi YMCA di Boston itu